

KERRY

OurShare

 Miliki sebahagian daripada Kerry



Risalah Pekerja

Memperkenalkan OurShare

Pelan Saham Semua Pekerja global Kerry

Di Kerry, kami mengambil berat tentang membina tempat kerja yang inklusif di mana anda rasa dihargai, diberi ganjaran dan diiktiraf atas peranan anda dalam perjalanan perniagaan kami.



Kami telah bertanya kepada anda apa lagi yang boleh kami lakukan untuk mencapai semua ini. Dan anda telah memberitahu kami. Anda menyatakan bahawa anda ingin berasa lebih terhubung dengan visi, nilai dan tujuan kami. Maka selaras dengan nilai Pemilikan kami, OurShare adalah peluang anda untuk memiliki sebahagian daripada Kerry.

Anda minta, kami dengar.

Kami telah mencipta
OurShare, iaitu satu
cara untuk anda dan
semua rakan sekerja
berkongsi kejayaan.

Apakah OurShare?

OurShare ialah Pelan Saham Semua Pekerja global kami. Ini adalah cara untuk anda dan semua individu di seluruh perniagaan untuk menjadi pemegang saham Kerry dan memiliki sebahagian daripada Kerry.

Anda akan menemui semua perkara yang anda perlu tahu tentang OurShare dalam risalah ini. Kami berharap agar anda akan menyertai peluang menarik ini untuk berkembang bersama kami.

Siapakah yang boleh menyertai OurShare?

OurShare adalah untuk semua rakan sekerja Kerry – sama ada anda bekerja sepenuh masa atau separuh masa. Anda boleh menyertai OurShare pada bulan September jika:

- Anda telah menjadi pekerja Kerry sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tempoh pendaftaran dibuka, dan
- Anda berumur 18 tahun atau lebih.



Ciri-ciri utama

Menyertai OurShare adalah peluang anda untuk menjadi pemegang saham Kerry dan memiliki sebahagian daripada Kerry. OurShare adalah suatu pilihan – ia bergantung sepenuhnya pada diri anda.



Ia adalah inklusif

Mencarumlah antara €10 hingga €200 (atau jumlah yang setara dalam mata wang tempatan) sebulan daripada gaji bersih anda



Ia adalah mudah

Kami akan melakukan selebihnya untuk anda! Caruman anda akan digunakan untuk membeli saham Kerry setiap bulan... lihat pelaburan anda bertambah



Ia adalah berbaloi

Terima satu saham tambahan daripada Kerry untuk setiap tiga saham yang anda beli – simpan saham anda selama dua tahun untuk anda mendapatkan saham tambahan ini



Ia memperkasakan

Nikmati sebahagian daripada keuntungan dalam bentuk dividen dan ambil peluang untuk mengundi pada mesyuarat pemegang saham



Ia adalah fleksibel

Anda boleh menukar jumlah caruman bulanan anda atau membatalkannya pada bila-bila masa

OurShare - Garis masa anda yang berguna

OurShare berjalan dalam kitaran dua tahun (24 bulan).

Anda akan dapat menyertai OurShare apabila tempoh pendaftaran dibuka pada bulan September ini. Jika anda ingin memiliki sebahagian daripada Kerry, jangan terlepas tarikh-tarikh ini*:

1

Mula: September

Sertai...

dan mulakan perjalanan anda sebagai pemegang saham

3

November – Oktober

(bulan 2-13)

Beli...

kami membeli saham untuk anda menggunakan caruman anda

5

Akhir: Oktober

Dapatkan...

saham tambahan anda – simpan atau jualkannya!

2

Oktober – September

(bulan 1-12)

Carum...

antara €10 hingga €200 sebulan selama 12 bulan daripada gaji bersih anda (selepas cukai)

4

Oktober – September

(bulan 1-24)

Simpan...

ke atas saham anda selama dua tahun untuk mendapatkan saham tambahan

Garis masa berlangsung selama 2 tahun. Akan ada peluang untuk menyertai kitaran baru setiap bulan September. Akan sentiasa ada pertindihan antara dua kitaran, dengan sumbangan untuk kitaran pertama berhenti sebaik sahaja mereka memulakan kitaran kedua.

Kami melancarkan OurShare pada tahun 2023. Inilah bagaimana beberapa kitaran pertama kelihatan untuk rakan sekerja yang menyertai dari awal:

Kitaran 1: September '23 – Oktober '25

Kitaran 2: September '24 – Oktober '26

Kitaran 3: September '25 – Oktober '27

Dan untuk memudahkan urusan, apabila anda menyertainya, anda secara automatik akan menjadi sebahagian daripada kitaran masa hadapan. Anda boleh, sudah tentu, berhenti pada bila-bila masa.

Jika anda tidak pasti mahu menyertai tahun ini, ada peluang untuk menyertai September depan.

*Tarikh tepat untuk tahun ini tersedia di OurShare Hub.

Bagaimana OurShare berfungsi

Anda putuskan sendiri berapa jumlah yang anda ingin carum setiap bulan selama setahun, dan sepanjang 12 bulan berikutnya, ia akan diambil daripada gaji anda selepas ditolak cukai. Ia dipanggil sebagai caruman, dan ia digunakan untuk membeli saham bagi pihak anda.

Ini berlaku dari Oktober hingga September berikutnya. Setiap bulan, anda menerima satu saham tambahan dari Kerry untuk setiap tiga yang anda beli – simpan saham anda selama dua tahun untuk membuka kunci saham tambahan ini.

OurShare terdiri daripada tiga bahagian:

-  **Saham yang Dibeli** – ini adalah saham yang dibeli dengan caruman bulanan anda
-  **Saham Padanan** – jika anda kekal bekerja dengan Kerry dan menyimpan saham yang anda beli selama dua tahun, anda akan menerima satu saham tambahan daripada Kerry untuk setiap tiga saham yang anda beli
-  **Saham Dividen** – dapatkan saham selanjutnya apabila Kerry membayar sebahagian daripada keuntungan syarikat kepada pemegang saham

Anda mungkin perlu membayar cukai ke atas saham Padanan dan Dividen anda. Amaun yang perlu dibayar serta cara dan bila ia perlu dibayar adalah berbeza untuk setiap negara. Untuk mendapatkan maklumat tentang peraturan di negara anda, lihat 'Nota Cukai Pekerja Negara' kami pada bahagian Sumber di **OurShare Hub**.



OurShare sedang beroperasi

Kami telah memberitahu anda serba sedikit tentang cara bagaimana OurShare berfungsi. Sekarang mari kita lihat cara ia beroperasi! Ini ialah Joe

				
Tonton cerita penuh tentang Joe. Joe ialah operator kilang di bahagian pengeluaran salutan.	Joe menyertai OurShare dan memutuskan untuk mencarum sebanyak €45 sebulan.	Katakan harga saham Kerry kekal pada €90 sesaham untuk tahun tersebut. Oleh itu, setiap bulan Joe membeli separuh daripada saham. $€45 \div €90 = 0.5 \text{ saham}$	Sehingga ke penghujung tahun, Joe telah mencarum sebanyak €540. 0.5 saham sebulan x 12 bulan = 6 saham	Kami memberi Joe 1 saham tambahan bagi setiap 3 saham yang dibelinya untuk ditambahkan kepada pelaburannya. $6 \text{ saham} \div 3 = 2 \text{ saham tambahan}$
				
Secara keseluruhannya, Joe kini memiliki 8 saham dalam syarikat Kerry serta sebarang saham yang akan ditambah daripada dividen yang dibayar.	Selepas dua tahun, Joe boleh menyimpan atau menjual sahamnya! Andaikan pada ketika ini, harga saham Kerry meningkat kepada €95 sesaham.	Saham Joe kini bernilai €760 ($8 \text{ saham} \times €95$). Ini memberikan keuntungan sebanyak €220 ($\text{nilai saham } €760 - \text{caruman } €540$), iaitu kira-kira 40% nilai pulangan dan ditambah dengan saham dividen.	Joe memutuskan untuk kekal menyimpan sahamnya untuk meneruskan perjalanannya sebagai pemegang saham Kerry.	Dia berminat untuk mengundi pada mesyuarat pemegang saham dan menerima sebahagian daripada keuntungan apabila dividen selanjutnya dibayar.


Sila ambil perhatian bahawa contoh-contoh ini menganggap bahawa:

1. harga saham Kerry kekal pada €90 sepanjang tempoh caruman. Pada hakikatnya ia berkemungkinan untuk turun naik - ia boleh turun dan juga naik.
2. harga saham meningkat pada akhir tempoh pegangan. Akan tetapi, harga saham boleh turun dan juga naik. Tahap keuntungan kewangan bergantung pada harga saham ketika masa jualan. Sebarang keuntungan mungkin tertakluk kepada cukai – lihat panduan cukai tempatan anda.

Sila ambil perhatian juga bahawa: saham Kerry didagangkan dalam mata wang Euro. Jika anda membuat caruman anda dalam mata wang lain, ia akan ditukarkan kepada Euro sebelum ia digunakan untuk membeli saham Kerry. Kadar pertukaran akan naik turun dari semasa ke semasa yang dapat menjejaskan jumlah wang Euro yang anda miliki setiap bulan untuk membeli saham Kerry.

OurShare sedang beroperasi

Anda telah melihat kisah tentang Joe... sekarang mari kita lihat bagaimana OurShare berfungsi untuk Amira

				
Amira bekerja dalam pasukan RD&A.	Amira menyertai OurShare dan memutuskan untuk mencarum sebanyak €135 sebulan.	Katakan sepanjang tahun ini, harga saham Kerry ialah €90 sesaham. Ini bermakna setiap bulan, Amira membeli sebanyak 1.5 saham. $€135 \div €90 = 1.5 \text{ saham}$	Pada penghujung tahun, Amira telah mencarum sebanyak €1,620, membeli sebanyak 18 saham $1.5 \text{ saham/bulan} \times 12 \text{ bulan} = 18 \text{ saham}$	Kami memberi Amira 1 saham tambahan untuk setiap 3 saham yang dibelinya untuk ditambahkan kepada pelaburannya. $18 \text{ saham} \div 3 = 6 \text{ saham tambahan}$
				
Secara keseluruhan, Amira kini memiliki saham 24 dalam Kerry serta sebarang saham yang ditambah daripada dividen yang dibayar.	Selepas dua tahun, Amira boleh menyimpan atau menjual sahamnya! Andaikan pada ketika ini, harga saham Kerry meningkat kepada €105 sesaham.	24 saham Amira kini bernilai €2,520 ($24 \text{ saham} \times €105$). Dia mendapat keuntungan sebanyak €900 ($\text{nilai saham } €2,520 - \text{caruman } €1,620$) (kira-kira 55% nilai pulangan) serta saham dividen.	Amira mendapati OurShare adalah cara yang terbaik untuk mencapai matlamat kewangan. Dia berminat untuk menyertai kitaran OurShare yang seterusnya pada bulan September.	Amira memutuskan untuk menjual sahamnya – dia mahu menggunakan wang itu untuk membantu membeli kereta pertamanya.

Sila ambil perhatian bahawa contoh-contoh ini menganggap bahawa:

1. harga saham Kerry kekal pada €90 sepanjang tempoh caruman. Pada hakikatnya ia berkemungkinan untuk turun naik - ia boleh turun dan juga naik.

2. harga saham meningkat pada akhir tempoh pegangan. Akan tetapi, harga saham boleh turun dan juga naik. Tahap keuntungan kewangan bergantung pada harga saham ketika masa jualan. Sebarang keuntungan mungkin tertakluk kepada cukai – lihat panduan cukai tempatan anda.

Sila ambil perhatian juga bahawa: saham Kerry didagangkan dalam mata wang Euro. Jika anda membuat caruman anda dalam mata wang lain, ia akan ditukarkan kepada Euro sebelum ia digunakan untuk membeli saham Kerry. Kadar pertukaran akan naik turun dari semasa ke semasa yang dapat menjejaskan jumlah wang Euro yang anda miliki setiap bulan untuk membeli saham Kerry.

Cara untuk menyertai



Untuk peluang menarik anda menjadi pemegang saham Kerry, nantikan jemputan peribadi anda. Jika anda baru dalam OurShare, anda akan menerima e-mel pada bulan September dari computershare_plan_managers@mailservice.computershare.co.uk, dengan pautan dan maklumat log masuk untuk akaun EquatePlus anda. EquatePlus adalah platform yang dikendalikan oleh Computershare, pakar pelan saham pilihan kami. Di sinilah anda pergi untuk menyertai dan memilih berapa banyak yang anda mahu sumbangkan, serta membuat perubahan dan mengurus saham anda setelah anda mula membelinya.

Jika anda tidak mempunyai akaun EquatePlus, log masuknya buat kali pertama adalah seperti membuka akaun bank. Anda perlu melengkapkan beberapa langkah permulaan untuk mengaktifkan akaun anda – kami telah mencipta panduan langkah demi langkah untuk membantu anda sepanjang proses tersebut.



Tidak mempunyai alamat e-mel Kerry?

Hanya lawati OurShare Hub: kerryourshare.com untuk melakukan pra-pendaftaran dan beritahu kami e-mel peribadi anda. Anda juga memerlukan nombor pekerja dan tarikh lahir anda. Ini akan memberitahu kami bahawa anda sedang mempertimbangkan untuk menyertai – tiada kewajipan untuk anda mendaftar, ini hanya bermakna anda akan menerima jemputan melalui e-mel. Hubungi penyelia atau pengurus bahagian anda jika anda memerlukan bantuan untuk mencari nombor pekerja anda



Sudah menyertai OurShare? Inilah yang diharapkan tahun ini

Untuk memudahkan perkara, jika anda telah menyertai OurShare sebelum ini, anda akan didaftarkan semula secara automatik tahun ini – kecuali anda memilih untuk tidak mendaftar secara automatik atau menghentikan sumbangan anda.*

Sumbangan anda akan diteruskan

Anda akan terus menyumbang jumlah yang sama setiap bulan (kecuali had minimum atau maksimum dalam mata wang tempatan anda telah berubah - kami akan memberitahu anda jika ini berlaku).

Sumbangan terakhir anda untuk OurShare tahun lepas akan berada pada bulan September, dan sumbangan pertama anda untuk OurShare tahun ini akan berada pada bulan Oktober. Ini bermakna tidak akan ada jurang atau pertindihan dalam sumbangan bulanan anda.



Anda boleh menukar jumlah sumbangan anda

OurShare adalah fleksibel, jadi anda boleh menukar sumbangan bulanan anda pada bila-bila masa. Sekarang adalah masa yang baik untuk memeriksa sama ada jumlah sumbangan semasa anda masih berfungsi untuk anda. Anda boleh membuat sebarang perubahan pada akaun EquatePlus anda.

Jika anda menyertai OurShare 2 tahun yang lalu, Saham Padanan anda akan dibuka kunci tahun ini!

Mulai Oktober, anda akan dapat mengakses Saham Padanan anda – dan menjual Saham Dibili anda dari kitaran OurShare itu tanpa kehilangan Saham Padanan.

Tidak perlu tergesa-gesa untuk membuat keputusan – saham anda tetap selamat dalam akaun EquatePlus anda sehingga anda membuat pilihan anda. Terdapat lebih banyak maklumat tentang apa yang berlaku apabila saham anda dibuka kunci dalam panduan membuka kunci kami. Anda boleh mengakses ini di OurShare Hub (akan datang tidak lama lagi).

Lihat panduan cara kami untuk membantu anda menavigasi akaun EquatePlus anda, di mana anda boleh menyemak dan mengurus saham anda.

* Jika anda telah menyertai OurShare sebelum ini tetapi menghentikan sumbangan anda, atau jika anda memilih untuk tidak mendaftar secara automatik, anda tidak akan didaftarkan semula secara automatik tahun ini. Anda masih boleh mengambil bahagian – hanya sertai semula semasa tetingkap pendaftaran. Jika anda mempunyai sebarang soalan tentang memilih keluar atau menyertai semula, anda juga boleh menghubungi Juara OurShare anda.

Ingin mengetahui lebih lanjut?

Terfikir untuk menyertai OurShare tetapi ingin bertanya terlebih dahulu?

Kami telah pun menjangkakan soalan lazim yang mungkin anda ingin tanyakan, lalu kami pun menyediakan jawapannya. Anda boleh mendapati semua persoalan ini dijawab pada bahagian 'Soalan anda terjawab'. Lawati bahagian sumber di [OurShare Hub](#).

Di manakah saya boleh melihat saham yang saya beli?

Apakah yang akan berlaku jika saya meninggalkan Kerry?

Apakah yang akan berlaku jika saya berpindah negara?

Adakah saya perlu membayar cukai ke atas saham saya?




OurShare Hub

Panduan anda untuk semua perkara tentang OurShare

OurShare Hub ialah pusat bagi semua sumber OurShare. Di sana, anda akan menemui pelbagai sumber termasuk:

- Soalan Anda Terjawab: jawapan kepada soalan lazim tentang OurShare.
- Kalkulator yang dapat membantu anda mengira nilai saham anda
- Panduan untuk membimbing anda melalui proses penyertaan OurShare
- Salinan peraturan pelan kami

Diingatnkan untuk anda menanda halaman **OurShare Hub** juga!



Perlukan lebih banyak sokongan?

Kami harap anda teruja dengan OurShare seperti kami! Jika anda mempunyai soalan yang belum terjawab di sini, jangan teragak-agak untuk menghubungi Pasukan OurShare: ourshare@kerry.com.

Anda juga boleh menghubungi OurShare tempatan anda yang bersedia untuk membantu. Anda boleh mengetahui siapakah mereka di OurShare Hub.

Untuk sebarang pertanyaan tentang platform EquatePlus, sila hubungi Computershare – butiran adalah tersedia di [OurShare Hub](#).





OurShare

 Miliki sebahagian daripada Kerry

Sila ambil perhatian:

1. Tiada ahli Kerry Group plc atau mana-mana pegawai, pekerja, ejen atau wakil mereka yang akan memberi anda sebarang nasihat pelaburan, cukai atau lain-lain berhubung dengan OurShare.
2. Sama ada anda menyertai OurShare atau tidak adalah keputusan peribadi anda yang tidak akan memberi kesan kepada situasi pekerjaan anda.
3. Nilai saham Kerry dan sebarang pelaburan yang anda lakukan boleh turun dan juga naik. Prestasi harga saham pada masa lalu tidak memberi jaminan kepada prestasi harga saham pada masa hadapan.
4. Bilangan saham yang anda peroleh setiap bulan menggunakan caruman anda akan berbeza-beza bergantung pada harga saham dan kadar pertukaran mata wang pada waktu pembelian.
5. Kadar pertukaran mata wang boleh berubah-ubah. Anda bersetuju bahawa Kerry Group plc dan mana-mana pegawai, pekerja, ejen atau wakil mereka tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian akibat pergerakan dalam kadar pertukaran mata wang dan/atau akibat kelewatan dalam mendapatkan jualan atau pemindahan saham asas.
6. Maklumat yang diberi berkaitan penyertaan anda dalam OurShare bertindak sebagai panduan sahaja dan tidak mempunyai tujuan yang khusus untuk kedudukan anda sahaja. Jika anda berasa ragu-ragu sama ada ingin menyertai atau tidak, anda harus mendapatkan nasihat kewangan daripada ahli profesional bebas yang berkecualan. Kerry Group plc dan mana-mana pegawai, pekerja, ejen atau wakil mereka tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas sebarang tindakan yang diambil hasil daripada maklumat yang diberikan.
7. Penyertaan anda dalam OurShare tertakluk kepada Peraturan Pelan, Perjanjian Anugerah dan sebarang dokumen lain yang digabungkan dengan rujukan, yang boleh didapati di OurShare Hub. Dalam semua keadaan, termasuk percanggahan dengan maklumat yang diberikan di laman web ini dan jenis komunikasi lain yang dibuat melibatkan OurShare, maka Peraturan Pelan, Perjanjian Anugerah dan sebarang dokumen lain yang digabungkan dengan rujukan akan diguna pakai terlebih dahulu.
8. Kadangkala, sesetengah rakan sekerja mungkin mengetahui maklumat yang belum diketahui secara umum, namun boleh memberi kesan kepada harga saham kami (sebagai contoh, keputusan kewangan akhir tahun yang akan datang). Jika situasi ini terpakai kepada anda, hal ini boleh menjejaskan keupayaan anda untuk berdagang dalam saham Kerry. Anda boleh dihubungi oleh Kerry Group plc sekiranya hal ini berkaitan dengan anda. Lihat Dasar Urus Niaga dalam Sekuriti kami untuk butiran lanjut.